

16/02/2003

Afrika Selatan ikut cara kita tingkat taraf ekonomi rakyat kulit hitam

DASAR Ekonomi Baru kita (DEB) pada pemerintah Afrika Selatan adalah Economic Empowerment of the Black South Africans - menaiki status ekonomi rakyat kulit hitam yang dilaksanakan semenjak rakyat majoriti mengambil alih kuasa politik daripada kulit putih pada 10 Mei 1994, apabila Nelson Mandela dipilih sebagai Presiden.

Dahulu Afrika Selatan dikuasai rakyat minoriti kulit putih (10.3 peratus) melalui Dasar Apartheid (selama 50 tahun) dan sebelum itu, selama 300 tahun melalui penjajahan dan eksploitasi oleh manusia ke atas sesama manusia.

Parti African National Congress (ANC) yang sekarang berumur 91 tahun itu berjaya menumpaskan apartheid setelah lebih lapan dekad berjuang.

Saya menulis rencana ini Sabtu pagi dari Cape Town setelah menemu bual Presiden Thabo Mbeki petang Khamis di kediaman rasmi, Genadendal, di Rondebosch, 10 kilometer dari Bandaraya Cape Town yang indah dan menarik itu. Hasil interviu selama 60 minit itu yang merangkumi pelbagai isu, boleh anda baca dalam New Sunday Times hari ini.

Pemimpin Afrika Selatan yang kini muncul sebagai jurucakap yang berwibawa bagi seluruh Benua Hitam berupaya berbuat demikian kerana Mbeki memerintah sebuah negara Afrika yang sudah pun mencapai taraf Dunia Pertama terutama di wilayah Cape Town, Stellenbosch dan sebahagian dari Johannesburg.

Dunia terkejut dan ramai orang tidak tahu bahawa Malaysia negara kedua terbesar (selepas Amerika Syarikat) yang menanam modal di Afrika Selatan yang mula diperintah rakyat majoriti lebih sedikit lapan tahun dahulu. Satu tindakan Malaysia yang berpandang jauh, wajar, bijak dan menguntungkan kedua-dua pihak.

Mbeki mahu lihat penyertaan Malaysia yang lebih besar

Kepentingan ekonomi kita berpusat pada telekomunikasi, tenaga, petroleum dan hartanah. Datuk Samsuddin Abu Hassan berasal dari Kuala Pilah adalah antara anak Malaysia yang menjadi pelopor yang masih bertahan, ramai sudah terbenkakai. Samsuddin mengiringi saya berjumpa Mbeki. Potensi bisnes, industri dan penyertaan Malaysia di bidang-bidang lain terus cerah, apa lagi Mbeki positif mahu pelabur dari Malaysia dan menggesa kita proaktif di negaranya.

Jepun, penanam modal kelima terbesar, adalah rakan kongsi perdagangan Afrika Selatan utama. Kereta Korea banyak di negara ini - Korea Selatan adalah sumber import kereta, China dianggap partner yang berpotensi besar masa depan.

Singapura juga mempunyai banyak kepentingan bisnes dan perdagangan.

Kehadiran modal kita disambut baik dan dilihat sebagai sebaik contoh pakatan perdagangan dan kerjasama antara Selatan-Selatan, satu contoh yang nyata. Mbeki pada petang Khamis menekankan perkara ini kepada saya. Dia suka melihat banyak lagi modal dan pelabur dari orang bisnes kita hadir di negaranya.

Tegasnya: "Orang Malaysia faham cita-cita majoriti rakyat Afrika Selatan. Mereka sedar perlunya rakyat Bumiputera Afrika Selatan diberi bantuan dan pertolongan dalam ekonomi yang harus dan sedang disusun semula."

Nama Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sinonim. Mbeki memberitahu saya Pertubuhan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) bernasib baik dalam keadaan peperangan dan keamanan dunia

terancam Dr Mahathir mengambil alih pengerusi NAM kerana ia amat berwibawa dan berani sebagai jurucakap negara-negara membangun, berkecuali dan bebas.

Ke kampung Melayu

Saya bersama rombongan telah melawat kampung Bo-Kaap, di lereng Bukit Signal (Signal Hill) di tengah Bandaraya Cape Town. Keturunan Melayu dikenali sebagai coloured, takrif ini juga diberi kepada keturunan hasil dari perkahwinan campuran ratusan tahun dahulu. Kebanyakan Melayu adalah keturunan Sri Lanka dan Indonesia yang dibawa ke mari oleh penjajah Belanda mulai tahun 1658. Rakyat Afrika Selatan terbahagi kepada kulit hitam (Africans) kaum majoriti, Indian dan Asian -mereka dari India dan Timur Jauh, dan Orang Putih (white). Black, sesiapa saja yang tidak berkulit putih. Apa pun sekarang semua suka dikenali sebagai Afrikan Selatan. Ada tiga kawasan Melayu - Islam di Cape Town.

Kata Carolyn Hong, Pengarang Berita New Straits Times: "Nampaknya mereka hidup selesa, tidak daif ..." Saya sependapat dan Kampung Bo-Kaap tersusun, bersih, lagi bersejarah. Kami mencari satu restoran Melayu-Belanda yang terkenal bernama Cape Manna (Bahasa Inggeris Manor - rumah orang besar) di Jalan Napier, tetapi sayangnya ia sudah ditutup tiga tahun lepas. Buku panduan pelancong merakam kewujudannya walaupun buku itu dicetak dan disemak tahun lepas. Mereka tidak tahu restoran itu tiada lagi.

Apakah makna Bo-Kaap? Kampung Atas Tanjung: Pendatang asal Melayu (dipaksa sebagai hamba abdi) suka tinggal di Bo-Kaap kerana di sini wujud masjid lama, bernama Masjid Awal, dibina pada tahun 1794 dan semenjak itu, di sinilah keturunan Melayu Tanjung bermukim.

Penduduk Afrika Selatan yang berjumlah 44 juta itu terdiri dari Africans: 33.9 juta atau 77.6 peratus, Asian 1.1 juta, orang putih 4.3 juta (10.3 peratus) dan coloured 3.8 juta (8.7 peratus). Coloured seperti saya tegas awal tadi nama gelaran Melayu tetapi Melayu/Islam hanya 600,000 dari jumlah ini, bakinya mereka yang bercampur darah. Agama majoriti adalah Kristian, 75.5 peratus, boleh dikatakan semua agama diwakili di Cape Town dan di Afrika Selatan. Ada juga yang tidak beragama atau mengikut kepercayaan tradisi nenek moyang mereka.

Penerbangan (melalui MAS) dari KLIA ke Cape Town (berhenti di Johannesburg satu jam setengah) memakan masa lebih kurang (lama sedikit) seperti ke London dari KLIA. Bezanya penerbangan ke London berterusan. Penerbangan tidak membebankan. Saya recommend orang Malaysia melancong ke Afrika Selatan, khususnya ke Cape Town. Anda akan hairan, bandaraya ini seolah bandar raya mewah di Eropah Barat.

Saya dapati Afrika Selatan menarik dan indah, iklimnya nyaman - sekarang musim panas - tapi suhunya dingin walaupun matahari memancar terik, langitnya biru, hutan rimba dan haiwannya beratus jenis sekali gus mencabar, menakut dan menawan seperti beruk yang berjinak-jinak dengan pelancong di Cape Point yang lighthousenya beratus tahun memberi isyarat kepada kapal laut yang mengelilingi Cape of Good Hope (Tanjung Harapan), di mana dua lautan - Lautan Hindi dan Atlantik, bertemu dan bercerai!